

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HTV 201 Teknik Berfikir

Masa: [2 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG SEMBOLIN [9] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab DUA [2] soalan sahaja. SATU [1] daripada Bahagian A dan SATU [1] daripada Bahagian B.

Tulis nama TUTOR anda pada kulit kertas jawapan.

BAHAGIAN A. Jawab SATU [1] soalan sahaja.

1. Dalam mengharungi arus pembangunan, kita dapati peluang pekerjaan untuk anak bangsa Malaysia dalam banyak bidang semakin terhimpit. Para majikan lebih gemar mengambil pendatang sebagai pekerja mereka, sama ada di kilang-kilang, hotel-hotel, rumah, malah di institusi pengajian tinggi, terutama dalam bidang perubatan dan kejururawatan.
 - (i) Dengan menggunakan PMI (Baik, Buruk dan Istimewa) senaraikan pandangan anda berhubung dengan pekerja tempatan berbanding dengan pekerja pendatang.

[20 markah]

- (ii) Dengan menggunakan mana-mana empat (4) alat berfikir yang dianggap sesuai, buat cadangan kepada kerajaan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menasihati, atau kalau perlu mengarahkan majikan-majikan tersebut mengambil semua pekerjanya dari kalangan anak tempatan sahaja.

[80 markah]

2. Adalah dipercayai bahawa masalah sosial hari ini berlaku disebabkan terlalu ramai wanita yang menjadi suri rumah dan ibu turut bekerja di luar rumah bagi membantu pendapatan keluarga dan juga oleh kerana ketiadaan keluarga besar (*extended family*). Sebagai salah seorang pakar dalam bidang kemasyarakatan, anda telah diarah membuat cadangan kepada kerajaan mengenai bagaimana:

.../2

- (i) Wanita masih boleh terus bekerja di luar rumah dan membantu keluarga, tetapi penyakit sosial boleh di atasi atau penglibatan mereka tidak boleh meninjbulkan penyakit sosial.

[40 markah]

- (ii) Konsep keluarga besar (*extended family*) dalam konteks kehidupan masyarakat di rumah pangsa dan taman-taman perumahan seperti yang ada kini masih boleh dilaksanakan demi mengada dan mengukuhkan nilai kasih sayang yang pada satu ketika pernah ujud dalam masyarakat Malaysia, di antara ahli-ahli keluarga, sama ada di dalam satu kampung atau dalam satu rumah.

[60 markah]

Jawapan anda mestilah menggunakan ENAM [6] alat berfikir yang telah anda pelajari.

BAHAGIAN B. Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

3. Sebagai pemaju sebuah syarikat pembinaan, anda telah ditawarkan untuk membangun sebuah kampus kejuruteraan yang berkonsepkan KAMPUS CERDAS (intelligent campus) dengan mempunyai sifat-sifat futuristik di kawasan Transkrian yang jaraknya kira-kira 2km dari bandar Parit Buntar. Kerja-kerja pembinaan harus bermula pada tahun 1998.

Dengan menggunakan alat-alat berfikir yang telah anda pelajari, senaraikan ciri-ciri yang sesuai dengan konsep tersebut. Anda juga diingatkan supaya menitikberatkan aspek-aspek berikut:

- * keselamatan keseluruhan kampus
 - * keselesaan masyarakat dalam dan luar kampus; dan
 - * mampu mewujud dan meningkatkan semangat kerjasama dengan masyarakat luar.
- Anda dibenarkan menggunakan sebarang ilustrasi yang sesuai jika berkaitan.

[100 markah]

.../3

4. Universiti Sains Malaysia Kampus Cawangan Perak mempunyai beberapa buah tasik bekas lombong dan hutan simpanan. Dalam suasana menuju era pengkoperatan, USM memerlukan sumber kewangan yang mantap untuk menampung kos operasi keseluruhan universiti. Dengan menggunakan teknik berfikir secara kreatif, fikirkan langkah-langkah untuk menggunakan tasik-tasik dan hutan-hutan simpanan tersebut sebagai menjana kewangan.

[100 markah]

5. Empat puluh tahun yang lalu ramai pentingan penjajahan dipenjarakan dan diseksa kerana memperjuangkan kemerdekaan. Kemerdekaan bererti kebebasan daripada penjajahan. Kemerdekaan bererti bangsa dimertabatkan dan merupakan kemajuan bagi anak bangsa. Guna enam [6] topik berfikir untuk menilai pencapaian kemerdekaan Malaysia setelah 40 tahun mencapai kemerdekaan. Sebutkan juga kesan kemerdekaan tersebut ke atas anak bangsa Malaysia.

[100 markah]

6. Jawab SEMUA bahagian ini.

- (i) Buat analisis ke atas karipap yang anda boloh temui dalam pasaran dengan melibatkan faktor-faktor jenis, rupabentuk dan saiznya.

[25 markah]

- (ii) Senaraikan 10 APC karipap dan terangkan kelebih-kelebihannya.

[50 markah]

- (iii) Cadangkan karipap yang anda fikirkan dapat dipasarkan secara lebih komersial dibanding dengan karipap-karipap yang lain yang ada di pasaran kini.

[25 markah]

7. Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan pelbagai budaya merupakan sebuah negara yang berwawasan. Ini bermakna pemimpinnya telah menentukan corak dan halatujunya dalam tempoh tiga puluh (30) tahun dari sekarang dalam usaha hendak menjadikannya negara maju setanding dengan negara-negara maju di dunia.

- (i) Sebagai rakyat Malaysia yang menyokong penuh dan turut mendokong pencapaian wawasan 2020, senaraikan kelemahan dan kebaikan yang sedia ada pada Malaysia kini yang perlu di perbaiki dan dipertingkatkan.

[20 markah]

.../4

- (ii) Dengan mengambil kira faktor lepas dan terkini, dan menggunakan PMI, C & S, CAF, APC dan FIP beri pendapat anda mengenai (i) di atas.

Jawapan anda mestilah mengambil kira taraf pendidikan, teknologi dan gunatenaga tinggi rakyat Malaysia.

[80 markah]

8. Jawab **SEMUA** bahagian ini:

- (i) Bayangkan sebuah rumah eskimo, igloo. Terangkan dengan ringkas **DUA** [2] cara logikal igloo dibina (selain dari menggunakan bata demi bata). Contohnya: Bina ‘gelang’ batu berlainan diameter dan susun dari gelang besar di bawah ke gelang kecil di atas, dan letakkan tudung atau penutup di atas sekali.

[30 markah]

- (ii) Untuk menambah jumlah bilangan lelaki di dalam masyarakat, suatu arahan telah dikeluarkan bahawa apabila sesebuah keluarga mendapat anak perempuan, maka ibunya mesti berhenti mengandung. Perihalkan perkara ini sebagai satu tindakan logikal.

[40 markah]

- (iii) Hujah politik lazimnya berstruktur dan logikal. Namun, ramai ahli masyarakat kurang percaya dan kurang yakin kepada argumentasi politik. Mengapa? Dan beri contoh-contoh yang konkret.

[30 markah]

9. Marjerin cap X digemari ramai kerana rasanya yang enak. Ia dibungkus dengan kertas bersalut aluminium. Walau bagaimanapun, terdapat aduan mengenai pembungkus produk tersebut. Antaranya ialah pembungkusnya mudah terkoyak dan tangan selalu berminyak terkena marjerin semasa membuka bungkusannya.

Janakan idea-idea kreatif dalam menangani masalah tersebut dengan merujuk kepada:

- * marjerin (bahan-bahan ramuan)
- * pembungkus dan
- * cara bagaimana marjerin itu diaplikasikan

Idea-idea kreatif tersebut boleh dijelaskan melalui pencerangan dan juga gambarajah.

[100 markah]